



MAX OPTIMUM¹

(Ini merupakan suatu produk insurans)

Rancang warisan yang bermakna bagi orang tersayang anda



Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad merupakan ahli PIDM.

¹ Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Rancang warisan yang bermakna bagi orang tersayang anda

Anda berusaha untuk menyediakan kehidupan yang diimpikan untuk keluarga, memanfaatkan kewangan anda dengan sepenuhnya, serta meningkatkan gaya hidup anda. Kami juga memahami keinginan untuk mendapat perkara terbaik; kerana anda layak menikmati kehidupan dengan optimum.

Max Optimum ialah suatu pelan universal life dengan premium tunggal yang direka khas untuk menunaikan impian tersebut – dengan pelbagai ciri untuk memaksimumkan potensi kewangan anda.

Tingkatkan harta yang bakal diwariskan kepada orang tersayang anda dengan perlindungan insurans tinggi yang menyediakan manfaat matang pada umur 100 tahun hari jadi berikut. Selain itu, nikmati lebih kestabilan dengan Jaminan Tidak Luput selama 30 tahun, serta kadar kredit minimum dijamin sebanyak 1.5% setahun sepanjang tempoh polisi anda walau apa jua pun prestasi pasaran.

Masih belum terlambat untuk memulakan perancangan warisan kerana Max Optimum dibuka bagi umur kemasukan sehingga 75 tahun hari jadi berikut. Ia semudah itu: satu pelan untuk perlindungan kewangan maksimum, supaya anda boleh menikmati kehidupan yang terbaik.

Produk ini bukan suatu DEPOSIT BANK atau Akaun Simpanan.

- Max Optimum ialah pelan insurans hayat yang ditaja jamin oleh Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (198201013982 / 93745-A) (“Syarikat”).
- OCBC Bank (Malaysia) Berhad (199401009721 / 295400-W) (“OCBC”) hanyalah pengedar produk ini.

Manfaat Sepintas Lalu




Gandakan nilai bersih dan maksimumkan harta anda dengan perlindungan tinggi



Jaminan Tidak Luput bagi 30 tahun polisi pertama



Kadar kredit minimum dijamin



Pulangan Nilai Akaun Polisi Asas apabila polisi matang



Gandakan nilai bersih dan maksimumkan harta anda dengan perlindungan tinggi

Maksimumkan potensi harta anda sepenuhnya dengan jaminan perlindungan insurans yang tinggi, berserta peluang menggandakan nilai bersih anda. Sekiranya kematian atau Hilang Upaya Total dan Kekal ("TPD") berlaku, anda dan/atau orang tersayang akan menerima mana yang lebih tinggi antara Jumlah Asurans Asas atau Nilai Akaun Polisi Asas ditolak sebarang hutang (jika ada).

Nota:

- i. Perlindungan bagi TPD hanya berkenaan sebelum ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuranskan mencapai umur 70 tahun hari jadi berikut.
- ii. Tertakluk pada terma dan syarat.



Jaminan Tidak Luput bagi 30 tahun polisi pertama

Nikmati lebih kestabilan dan jaminan dengan Jaminan Tidak Luput selama 30 tahun bagi pelan ini, suatu ciri yang memastikan perlindungan insurans anda kekal berkuasa walaupun Nilai Akaun Polisi Asas anda menjadi sifar pada 30 tahun polisi pertama, dengan syarat tiada sebarang tunggakan pinjaman polisi (termasuk faedah terakru).

Nota:

- i. Apabila Jaminan Tidak Luput tidak lagi berkuat kuasa, polisi akan luput jika Nilai Akaun Polisi Asas tidak mencukupi untuk membayar caj atau jika sebarang pinjaman polisi (termasuk faedah terakru) melebihi Nilai Akaun Polisi Asas.
- ii. Tertakluk pada terma dan syarat.




Kadar kredit minimum dijamin

Premium tunggal anda akan diperuntukkan pada Akaun Polisi Asas dan mengumpul secara bulanan pada kadar kredit yang diisyiharkan Syarikat. Walaupun prestasi pasaran mungkin kurang memuaskan, anda masih akan menikmati kadar kredit bulanan minimum dijamin sekurang-kurangnya 1.5% setahun-janji kami kepada anda walaupun pada saat yang sukar.

Nota:

- i. Kadar peruntukan sama ada 93.0% atau 93.5%, bergantung pada Jumlah Asurans Asas anda.
- ii. Kadar kredit sebenar tidak dijamin dan akan ditentukan Syarikat.
- iii. Tertakluk pada terma dan syarat.



Pulangan Nilai Akaun Polisi Asas apabila polisi matang

Raikan pencapaian apabila polisi matang dengan pulangan Nilai Akaun Polisi Asas anda pada umur 100 tahun hari jadi berikut (ditolak sebarang hutang, jika ada). Anda mungkin dapat menikmati peningkatan dalam Nilai Akaun Polisi Asas, tertakluk pada pulangan pelaburan.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Bagaimanakah Max Optimum boleh membantu anda?



Menggandakan warisan anda



Mengagihkan harta anda secara saksama



Memelihara kekayaan anda



Melindungi perniagaan anda

Menggandakan Warisan Anda

Menggandakan harta anda bagi generasi seterusnya.



Anda mempunyai
RM5 juta

Tanpa Max Optimum



Tunai dikhaskan bagi persaraan
RM1 juta



Harta dikhaskan bagi
anak-anak anda
RM4 juta

Dengan Max Optimum



Tunai dikhaskan bagi persaraan
RM3 juta



Beli Max Optimum
RM2 juta



Harta yang dihasilkan bagi anak-anak anda

RM4 juta*



*Bayaran insurans apabila
kematian berlaku

Dengan kekayaan semasa sebanyak RM5 juta, anda boleh membayar premium tunggal sebanyak RM2 juta untuk perlindungan sebanyak RM4 juta di bawah Max Optimum dan menggunakan baki RM3 juta untuk menikmati gaya hidup setelah bersara.

Nota:

Diagram ini untuk tujuan ilustrasi sahaja. Angka dibundarkan kepada juta terdekat. Dianggap bahawa anda seorang lelaki berumur 50 tahun hari jadi berikut yang tidak merokok. Tertakluk pada terma dan syarat.

Mengagihkan Harta Anda Secara Saksama


Memastikan pengagihan harta secara adil kepada generasi seterusnya.




Apa anda boleh lakukan hari ini



Harta anda
RM7.4 juta



Beli Max Optimum dengan RM1 juta untuk perlindungan sebanyak
RM2 juta




*apabila kematian berlaku




Pengagihan harta anda



Pewarisan
RM2.8 juta



Pewarisan
RM2.8 juta



Pewarisan
RM2.8 juta



*apabila kematian berlaku

Nota:

Diagram ini tidak disediakan mengikut skala dan hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja. Angka dibundarkan kepada juta terdekat. Dianggap bahawa anda seorang lelaki berumur 50 tahun hari jadi berikut yang tidak merokok. Tertakluk pada terma dan syarat.

Memelihara Kekayaan Anda

Tingkatkan dan pelihara harta anda dalam apa ju keadaan.




Anda mempunyai



Harta dinilaikan
sebanyak
RM8 juta




Apa anda boleh lakukan hari ini



Apabila membeli perlindungan Max Optimum sebanyak RM2 juta dengan premium tunggal sebanyak RM1 juta, anda akan membantu melindungi harta anda daripada ketidaktentuan pasaran.


Amaun Bayaran Insurans Dijamin



[^]Berdasarkan anggapan nilai pelaburan berkurangan sebanyak RM500,000 semasa pasaran merosot dan tidak menggambarkan prestasi sebenar harta keseluruhan anda.

Kadar Kredit Minimum Dijamin

Kadar Kredit (%)



Jika pasaran merosot serta kadar kredit mungkin menurun, anda masih akan menerima kadar kredit minimum dijamin sebanyak 1.5% setahun.

Nota:

Diagram ini tidak disediakan mengikut skala dan hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja. Angka dibundarkan kepada juta terdekat. Dianggap bahawa anda seorang lelaki berumur 50 tahun hari jadi berikut yang tidak merokok. Tertakluk pada terma dan syarat.

Melindungi Perniagaan Anda

Jamin warisan dan kesinambungan perniagaan anda.



Anda mempunyai



Harta dinilaikan sebanyak **RM8 juta** dan perniagaan anda sendiri



Tindakan anda pada hari ini



Apabila membeli perlindungan Max Optimum sebanyak RM2 juta dengan premium tunggal sebanyak RM1 juta, anda akan membantu menjamin kesinambungan perniagaan anda pada masa hadapan.

Apakah akan berlaku sekiranya individu penting bagi perniagaan meninggal dunia?



Hilang Keuntungan



Penarikan balik kemudahan kredit



Penangguhan garis masa projek



Hilang kelebihan daya saing

Garis Masa Kejadian

INDIVIDU PENTING meninggal dunia

PENGGANTIAN and LATIHAN bagi individu penting baharu

BAYARAN INSURANS sebanyak RM2 juta*

OPERASI PERNIAGAAN kembali seperti biasa

Bayaran boleh digunakan untuk menampung sebarang kerugian dalam perniagaan dan menyelesaikan sebarang kemudahan kredit semasa tempoh yang sukar. Perniagaan akan mempunyai masa dan sumber yang mencukupi untuk bertahan sehingga operasi kembali seperti biasa.

*apabila kematian berlaku

Nota:

Diagram ini untuk tujuan ilustrasi sahaja. Angka dibundarkan kepada juta terdekat. Dianggap bahawa anda seorang lelaki berumur 50 tahun hari jadi berikut yang tidak merokok. Tertakluk pada terma dan syarat.

Cara pelaksanaan




Nota:

Diagram ini untuk tujuan ilustrasi sahaja. Angka dibundarkan kepada juta terdekat. Dianggap bahawa anda seorang lelaki berumur 50 tahun hari jadi berikut yang tidak merokok. Tertakluk pada terma dan syarat.

Bagaimakah Max Optimum berfungsi?

Carta berikut adalah berdasarkan hayat yang diasuranskan seorang lelaki berumur 50 tahun hari jadi berikut yang tidak merokok dengan Jumlah Asurans Asas sebanyak RM2,000,000 dan premium tunggal sebanyak RM996,000.



Nota:

- i. Contoh ini merupakan kes biasa tanpa sebarang beban perubatan.
- ii. Contoh ini untuk tujuan ilustrasi sahaja. Dengan anggapan bahawa unjuran pulangan pelaburan adalah berdasarkan senario tinggi iaitu 5.00% setahun bagi semua tahun.
- iii. Unjuran pulangan adalah tidak dijamin. Pulangan pelaburan sebenar mungkin berbeza berdasarkan keputusan operasi dan pelaburan yang dialami Syarikat.
- iv. Tertakluk pada terma dan syarat.

Soalan lazim

S: Siapakah yang boleh memohon?

J: Umur kemasukan minimum ialah 25 tahun hari jadi berikut dan umur kemasukan maksimum ialah 75 tahun hari jadi berikut.

S: Berapakah Jumlah Asurans Asas yang saya boleh beli?

J: Jumlah Asurans Asas yang boleh dibeli tertakluk pada pengunderaitan Syarikat.

Umur hari jadi berikut semasa kemasukan	Minimum	Maksimum
70 tahun dan ke bawah	RM500,000	Tertakluk pada pengunderaitan
71 - 75 tahun		RM2,000,000

S: Apakah pengecualian bagi pelan ini?

J: Tiada manfaat akan dibayar di bawah keadaan berikut:

- Kematian semasa tahun polisi pertama dari Tarikh Permulaan Risiko akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras;
- TPD akibat kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras;
- TPD yang sedia wujud sebelum Tarikh Permulaan Risiko.

Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Huraian penuh boleh didapati daripada dokumen polisi.

S: Bagaimakah saya boleh membuat bayaran premium?

J: Hanya satu premium tunggal diperlukan. Anda boleh bayar menggunakan makluman kredit atau arahan bank, tertakluk pada kelulusan Syarikat.

S: Bagaimakah premium tunggal akan digunakan?

J: Premium tunggal akan diperuntukkan pada Akaun Polisi Asas anda, mengikut kadar peruntukan yang bergantung pada Jumlah Asurans Asas yang dimohon ("Premium yang Diperuntukkan"). Sebarang premium yang tidak diperuntukkan pada Akaun Polisi Asas ("Premium yang Tidak Diperuntukkan") akan digunakan untuk membayar komisen kepada OCBC dan perbelanjaan am Syarikat.

Nilai Akaun Polisi Asas anda pada hari pertama adalah bersamaan dengan Premium yang Diperuntukkan setelah ditolak caj insurans dan yuran polisi bagi bulan polisi pertama.

Premium tunggal anda



S: Bagaimakah Nilai Akaun Polisi Asas diperoleh?

J: Nilai Akaun Polisi Asas anda akan ditentukan menggunakan formula berikut:

- **Caj insurans bulanan dan yuran polisi**
- + **Pulangan yang dikreditkan**

Nilai Akaun Polisi Asas anda akan mengumpul secara bulanan pada kadar kredit semasa (dijamin minimum sebanyak 1.5% setahun). Kadar kredit sebenar yang diisyiharkan secara bulanan adalah jumlah bersih cukai pelaburan, Caj Pengurusan Dana dan Caj Tambahan.

S: Apakah komisen yang dibayar?

J: Satu kali komisen sebanyak 5% akan ditanggung oleh pemilik polisi dan dibayar daripada premium tunggal. Untuk tujuan ilustrasi, bagi seorang hayat yang diasuranskan lelaki yang tidak merokok dan berumur 50 tahun hari jadi berikut dengan Jumlah Asurans Asas sebanyak RM2,000,000 dan premium tunggal sebanyak RM996,000, komisen yang dibayar ialah RM49,800.

S: Berapakah yuran dan caj semasa?

J: Terdapat **lima (5) jenis caj** bagi polisi ini, seperti berikut:

Caj Insurans

Caj insurans akan ditolak secara bulanan daripada Akaun Polisi Asas. Caj berbeza mengikut umur hari jadi berikut yang dicapai, jantina dan status merokok, mana yang berkenaan; dan akan meningkat apabila umur anda meningkat.

Yuran Polisi

Pada permulaan setiap bulan polisi, Syarikat akan menolak yuran polisi bulanan sebanyak RM5.00 daripada Akaun Polisi Asas.

Caj Serahan

Caj serahan akan dikenakan sekiranya anda memilih untuk membuat serahan polisi dalam tempoh 14 tahun polisi pertama. Caj serahan hanya akan dikenakan jika anda membuat serahan polisi atau mengurangkan Jumlah Asurans Asas, termasuk serahan sebahagian. Caj serahan akan dikenakan bagi amaun yang diserahkan daripada Akaun Polisi Asas selepas ditolak sebarang hutang, yuran polisi dan caj insurans kepada Syarikat.

Tahun polisi	Caj Serahan (% amaun serahan daripada Nilai Akaun Polisi Asas)
1 - 5	7.50%
6	6.00%
7	4.50%
8	3.00%
9	1.50%
10	0.75%
11 - 14	0.50%
15 dan selanjutnya	0.00%

Caj Pengurusan Dana

Caj Pengurusan Dana ialah 0.5% setahun. Caj ini akan ditolak secara bulanan daripada pulangan pelaburan sebelum pulangan kredit dikreditkan pada Akaun Polisi Asas, bagi menanggung kos menguruskan pelaburan aset.

Caj Tambahan

Caj Tambahan ialah 0.1% setahun. Caj ini akan ditolak secara bulanan daripada pulangan pelaburan sebelum pulangan kredit dikreditkan pada Akaun Polisi Asas, bagi menanggung kos menyediakan sesetengah manfaat dijamin di bawah polisi.

Nota: Yuran dan caj yang dikenakan mungkin berubah dari semasa ke semasa.

S: Bolehkah saya membuat pinjaman daripada polisi?

J: Ya, pinjaman polisi boleh disediakan sehingga 80% daripada Nilai Akaun Polisi Asas anda. Kadar faedah pinjaman bulanan akan ditentukan Syarikat. Jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini, sebarang hutang di bawah polisi akan ditolak daripada hasil tuntutan sebelum pembayaran dibuat.

Nota: Kadar faedah pinjaman bulanan mungkin berubah dari semasa ke semasa dan boleh didapati melalui laman sesawang rasmi Syarikat.

S: Adakah saya layak untuk menikmati manfaat cukai?

J: Manfaat yang diterima daripada Max Optimum tidak dikenakan cukai dan premium yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967 dan keputusan akhir Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Notis penting

Max Optimum ialah pelan universal life dengan premium tunggal tanpa penyertaan dalam keuntungan yang matang pada umur 100 tahun hari jadi berikut. **Pelan ini merupakan produk insurans dengan berlandaskan prestasi yang mendasari aset, dan bukan suatu produk pelaburan sebenar seperti unit amanah.** Yuran dan caj adalah tidak dijamin, dan Syarikat mungkin berhak menyemak semula yuran dan caj pada ulang tahun polisi dengan memberi notis 3 bulan terlebih dahulu.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi ini adalah amaun yang anda mampu bayar. Satu **tempoh memerhati bebas selama 15 hari** diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika polisi dipulangkan kepada Syarikat dalam tempoh ini, Syarikat akan membayar balik suatu amaun yang bersamaan dengan premium penuh yang telah dibayar ditolak dengan perbelanjaan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan (jika ada).

Jika anda menyerahkan polisi anda lebih awal, anda mungkin mendapat kurang daripada amaun yang anda telah bayar. Sebarang amaun premium yang tidak diperuntukkan pada Akaun Polisi Asas akan digunakan untuk membayar komisen kepada OCBC dan perbelanjaan am Syarikat.

Kadar kredit diperoleh berdasarkan pulangan pelaburan dana universal life. Kadar kredit sebenar adalah tidak dijamin dan akan turun naik berdasarkan prestasi pelaburan dana universal life. Kadar kredit yang lebih tinggi mungkin diisyiharkan jika prestasi pelaburan adalah baik, dan sebaliknya kadar kredit minimum dijamin sebanyak 1.5% setahun akan diisyiharkan jika prestasi pelaburan adalah buruk. Anda mungkin perlu meningkatkan premium atau mengurangkan tahap perlindungan insurans bagi mengelakkan kehilangan perlindungan insurans.

Jika anda menukar polisi anda dari sebuah syarikat ke sebuah syarikat yang lain atau jika anda menukar polisi anda dengan polisi lain dalam syarikat yang sama, anda mungkin dikehendaki menghantar permohonan yang mana penerimaan cadangan anda tertakluk pada terma dan syarat yang akan dikenakan semasa penukaran atau penggantian polisi.

Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada kakitangan jualan OCBC untuk Ilustrasi Jualan, Risalah Pemberitahuan Produk, Lembaran Fakta Dana dan contoh kontrak polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat pada terma dan syarat seperti dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Syarikat.

Penafian

- Max Optimum ialah pelan insurans hayat yang ditaja jamin oleh Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (198201013982 / 93745-A) dan OCBC Bank (Malaysia) Berhad (199401009721 / 295400-W) hanyalah pengedar produk ini.
- Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja dan bukanlah satu kontrak insurans.
- Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas mungkin tidak menyeluruh. Terma dan syarat serta takrif tepat bagi pelan insurans ini dinyatakan dalam kontrak polisi.
- Produk insurans **ini bukan suatu deposit bank atau suatu kewajipan atau dijamin atau diinsuranskan oleh OCBC.** Produk insurans ini merupakan kewajipan syarikat insurans iaitu Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.
- Semua pertanyaan berkenaan tuntutan dan liabiliti yang timbul daripada polisi ini hendaklah dibuat kepada Syarikat. OCBC menafikan liabiliti terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang timbul atas apa jua yang berkaitan dengan produk insurans ini.
- Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (198201013982 / 93745-A) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Syarikat.

Mencapai Kejayaan

IBU PEJABAT

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (198201013982 / 93745-A)
Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

📞 03-4259 8888

📠 03-4259 8000

✉️ bancadmin@greateasternlife.com

👉 www.greateasternlife.com

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Customer Service Careline di
1300-1300 88.